

16 MAR 1999

Cina-Umno

CINA MALAYSIA YAKIN DENGAN UMNO, KATA DIPLOMAT

KUALA LUMPUR, 16 Mac (Bernama) -- Mungkin satu aspek yang diperkecilkan mengenai cerita kejayaan Malaysia adalah mengenai kepercayaan penuh masyarakat Cina di negara ini terhadap Umno, kata wakil khas Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Datuk Abdullah Ahmad.

"Ini kerana para pemimpin Umno telah membina tahap kredibiliti yang begitu tinggi sebagai pemimpin negara, bukan hanya sebagai pemimpin Melayu," katanya.

Abdullah berkata demikian semasa menyampaikan ceramah "Cina Di Luar Negara: Pengalaman Malaysia" kepada pelajar hubungan antarabangsa di Universiti Boston.

Teks ucapan beliau dihantar ke sini.

Katanya sejarah kepimpinan Umno sepanjang 53 tahun adalah fleksibel, pragmatik dan bersedia untuk diubahsuai, jika benar-benar perlu, prinsip asas Malaysia disesuaikan untuk kepentingan negara tanpa memihak kepada bangsa tertentu.

"Malaysia sentiasa bersikap adil terhadap golongan minoriti. Kami adalah orang yang adil dan saksama. Kami tidak menyebarkan cerita mitos hak sama rata antara kaum dan meritokrasi sebagaimana dilakukan oleh orang lain," katanya.

Abdullah berkata sedang Malaysia melangkah ke arah pemodenan dan cuba merapatkan jurang antara orang Melayu dan bukan Melayu Malaysia, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin Umno lain telah lama dapat menerima bahawa keadaan Malaysia yang berbilang kaum merupakan aset utama untuk mencapai status negara maju menjelang 2020.

Beliau mencadangkan pelajar melakukan lawatan ke Malaysia untuk melihat sendiri bagaimana negara itu telah menjadi model bagi toleransi perkauman, kebudayaan dan keagamaan.

"Di beberapa negara yang berdekatan, bangsa tertentu yang berkuasa. Oleh kerana kami adalah kami, kami tidak mampu ataupun tidak mahu melihat satu bangsa hidup dalam ketakutan atau yang lainnya dianggap sebagai kelas kedua dan golongan minoriti yang diganggu," katanya.

Abdullah juga berkata tradisi keamanan dan keharmonian yang dipupuk sejak sekian lama itu boleh terjejas jika dua parti pembangkang, PAS dan DAP, membentuk gabungan bagi kepentingan politik dan memenangi undi pada pilihan raya umum akan datang.

"Mereka kini bercakap mengenai kerjasama. Parti Islam itu selepas kemenangan mereka akan menjauhkan bukan Islam, terutama kaum Cina dan bagi DAP ketika itu sudah terlewat bagi mereka untuk membuat desakan terhadap PAS," katanya.

-- BERNAMA

MAM/AHH RHM RON